

07 JAN 2004

NOR-TEMURAMAH

DARI KERANI BANK NEGARA, NOR MOHAMED JADI MENTERI KEWANGAN II

Oleh: Mohd Arshi Daud

PUTRAJAYA, 7 Jan (Bernama) -- Kerja keras dan kecekalan, itulah yang melonjakkan bekas kerani Bank Negara Malaysia (BNM) itu hingga menjadi Menteri Kewangan II negara sekarang.

Bagaimanapun, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, 56, tidak menganggap jawatannya barunya sebagai berprofil tinggi. Baginya, ia merupakan satu peluang untuk berkhidmat untuk negara.

"Kita ni menjalankan tugas membantu ketua atau pemimpin kita. Saya bersyukur kepada Tuhan yang memberikan peluang untuk berkhidmat untuk negara, agama dan bangsa," katanya kepada Bernama selepas mesyuarat pasca-kabinet dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Nor Mohamed dilantik sebagai menteri dalam perubahan kabinet pertama Abdullah yang memulakan tugas pada November tahun lepas untuk menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara selepas menerajui negara selama 22 tahun.

Nor Mohamed yang menggantikan Datuk Dr Jamaludin Jarjis, akan memegang jawatan barunya Jumaat ini selepas mengangkat sumpah sebagai senator, samada esok atau tulat. Dr Jamaludin akan memegang portfolio barunya sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Kerjayanya di BNM berlanjutan sehingga 26 tahun dari 1968 hingga 1994 sebelum beliau menyertai sektor swasta. Nor Mohamed kembali bertugas di bank pusat itu pada September 1998 sebagai penasihat khas sehingga awal 2000.

Beliau kini adalah Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, iaitu jawatan yang disandanginya sejak Mei 2000, ketika itu kepada Tun Dr Mahathir.

Nor Mohamed berkata kerjayanya bergerak agak pantas di BNM, di mana beliau mula bekerja sebagai kerani selama tidak sampai setahun sebelum dihantar melanjutkan pengajian bagi mendapatkan ijazah pertama dan

kemudian  
ijazah sarjana oleh bank pusat itu.

Beliau meraih ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1972 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Catholic University of Leuven, Belgium pada 1979.

Nor Mohamed yang sentiasa merendah diri, berkata beliau menganggap tugasnya sebagai Penasihat Khas Ekonomi sebagai sudah cukup berprestij memandangkan beliau merupakan orang ketiga menjawat jawatan itu selepas Tun Raja Mohar Badiozaman dan Tun Daim Zainuddin.

Sebagai Penasihat Khas Ekonomi, kata Nor Mohamed, beliau terlibat dalam menangani isu-isu kewangan negara ini, dan dengan demikian, ia seharusnya dapat merintis jalan bagi memudahkan peralihan kepada tugas barunya.

"Ia bukanlah sesuatu yang baru sama sekali...cuba ke depan sedikit," katanya, membandingkan tugasnya sekarang dengan jawatan barunya.

Nor Mohamed yang mengamalkan sikap tidak menonjol sebagai Penasihat Khas Ekonomi dikatakan menjadi arkitek bagi penetapan ringgit berbanding dolar Amerika dan memainkan peranan penting dalam merangka rancangan penyusunan semula bagi syarikat-syarikat seperti United Engineers (Malaysia) (UEM) Bhd dan Malaysian Airline System Bhd (MAS).

Nor Mohamed berkata beliau akan mencuba sedaya upaya untuk melaksanakan amanah yang diberikan kepadanya oleh Perdana Menteri dan akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada tanggungjawab baru beliau ini.

"Saya berpendapat tugas saya adalah membantu beliau (Perdana Menteri). Saya sanggup bekerja keras, saya tiada agenda peribadi. Saya cuma mahu bekerja keras dan memastikan negara meraih manfaat," tegasnya. --  
BERNAMA

MAD SD KY JR